

Mahkamah Persekutuan tolak kebenaran rayuan Mahathir lawan Najib
MalaysiaKini.com
27 Februari 2018

Tiga anggota panel Mahkamah Persekutuan hari ini menolak permohonan kebenaran rayuan saman misfeasans Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan berhubung dakwaan salah guna kuasa dalam jawatan awam ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Sehubungan itu, penghakiman Mahkamah Tinggi pada 28 April 2016 bahawa Najib bukan pegawai awam masih kekal.

Ini susulan Ketua Hakim Negara Tun Md Raus Sharif yang menolak permohonan kebenaran rayuan oleh bekas perdana menteri itu dan Khairuddin setelah mengketepikan permohonan mereka supaya beliau mengundurkan dirinya daripada membicarakan kes berkenaan.

"Kami bersetuju terdapat persoalan perlembagaan dan undang-undang untuk diputuskan dalam kes ini, tetapi kami bersetuju dengan keputusan Mahkamah Tinggi dalam isu ini," katanya.

Hakim lain yang bersidang sama adalah Hakim Tan Sri Aziah Ali dan Tan Sri Balia Yusof Wahi yang membuat keputusan sebulat suara.

Terdahulu, Mahathir dan peguam Khairuddin, Mohd Haniff Khatri Abdulla cuba memohon penangguhan kerana mahu berundur daripada mewakili bekas ahli BERSATU, Anina Saadudin,

Walau bagaimanapun, mahkamah menetapkan 16 April untuk kes Anina.

Mahathir, Khairuddin dan Anina memfailkan saman RM2.6 bilion di Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur pada 23 Mac tahun lalu dengan menamakan Najib sebagai defendan tunggal.

Mereka antara lain, mahu Najib membayar balik RM2.6 bilion yang berada dalam akaun bank peribadinya dan tambahan RM42 juta yang dikatakan adalah daripada dana SRC International Sdn Bhd, anak syarikat 1MDB.

Pada 30 Ogos, Mahkamah Rayuan menolak rayuan ketiga-tiga mereka dengan Hakim Tan Sri Idrus Harun, yang dahulu adalah Peguam Cara Negara, memutuskan bahawa mereka bersetuju dengan keputusan Mahkamah Tinggi bahawa Najib bukan penjawat awam.